

Alauddin ragut emas

- 8th DEC 1990

Empat pesilat kita yang lain menangi pingat gangsa



ALAUDDIN: Tunjuk permainan dan kemas.

KUALA LUMPUR — Pesilat Singapura, Sheik Alauddin Yaacob, memenangi pingat emas tunggal negaranya setelah mengalahkan Mohsin Musa dari Malaysia bagi Kelas I, dalam Kejuaran Silat Terbuka Malaysia, di Stadium Negara, malam tadi.

Kejayaan itu turut menebus kehampaan kerana terkeluar daripada perlawanan akhir Sukan SEA Kuala Lumpur tahun lalu, selepas tangan kirinya terkehel.

Sebelum ke perlawanan akhir semalam, Sheik Alauddin menyingkirkan bekas juara Terbuka Dunia Kelas G 87, Mazlan Shaari dari Malaysia A — satu kemenangan yang sungguh cemerlang.

Singapura juga menggondol empat butir gangsa.

Malaysia A mencatatkan keputusan luar biasa apabila memenangi enam pingat emas, sebutir perak dan sebutir gangsa.

Ini kerana buat kali pertama Malaysia mengatasi penguasaan Indonesia, yang cuma menggondol satu emas

dan satu perak.

Pertandingan akhir semalam menyaksikan juara dunia 90 Kelas D, Khairi Abdul Rahman, mewakili Malaysia A, kecundang kepada naib juara nasional, Shairuddin Mohd Noor dari Malaysia B.

Shairuddin, yang memulakan gerakan baik dengan serangan bertubi-tubi seawal pusingan pertama, membuat Khairi mati akal untuk bertindak balas.

Walaupun Khairi bertindak balas bagi menguasai pusingan ketiga, lawannya berdaya menangkis dan menyusul dengan tendangan padu lagi kencang.

"Walaupun pertemuan dengan Khairi seumpama perkelahian abang dengan adik, saya tidak membiarkannya berkuasa.

"Saya gembira kerana kekalahan dalam Kejuaraan Nasional lalu dapat ditebus di peringkat antarabangsa ini," kata Shairuddin.

Keputusan: Lelaki — Kelas A 1 Shairuddin Kamaruddin (Mal A), 2 Basri Abdul Rahman (Mal B), 3 Talib

Tambi (Sin), 3 A. Bogibah (Bru). Kelas B 1 Ahmad Wardi Sallim (Mal A), 2 Syakera (Ina), 3 Rafee Yaacob (Mal B), 3 Hamzani Haji Moxsin (Bru). Kelas C 1 Shairuddin Mohd Noor (Mal B), 2 Khairi Abdul Rahman (Mal A), 3 Natapong (Tha), 3 Hidayat Hosni (Sin). Kelas E 1 Wan Adnan Isa (Mal A), 2 Kongkait (Tha), 3 Asmalee Ali Amat (Bru), 3 Fasching Hans (Aust). Kelas H 1 Zakaria Hamzah (Mal A), 2 Azam Haji Abad (Mal B), 3 Wong Eng Bu (Bru). Kelas I 1 Sheik Alauddin Yaacob (Sin), 2 Mohsin Musa (Mal B), 3 Mazlan Shaarih (Mal A), 3 Mal-tree Siri (Tha).

Wanita — Kelas A 1 Nazrah Latif (Mal A), 2 Seti (Ina), 3 Suporn Saiong (Tha), 3 Haddillah Hassan (Mal B). Kelas C 1 Dahlia (Ina), 2 Afiyah Haji Fadzil (Mal B), 3 Pungpen (Tha), 3 Rafeah Rashid (Sin). Kelas D 1 Anum Adnan (Mal A), 2 Rusma Ya (Mal B), 3 Haruthai Suriya (Tha), 3 Rosewati Ali (Sin).